



**TEKS UCAPAN**  
**YB DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN HAJI YUSOF**  
**MENTERI KERJA RAYA**

**MAJLIS PELANCARAN**  
**PROJEK CENTRAL SPINE ROAD,**  
**BENTONG BYPASS, PAHANG**

**PADA 5 JANUARI 2017, KHAMIS**

Terima kasih saudara pengacara majlis

YB Dato' Sri Liow Tiong Lai

Menteri Pengangkutan (merangkap Ahli Parlimen Bentong)

Ahli-ahli Yang Berhormat

Dif-dif kehormat

Pegawai-pegawai kanan Jabatan Kerajaan

Wakil-wakil media massa

YBhg Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian.

**Assalamualaikum WBT, Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia,**

1. Terlebih dahulu saya ingin memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah s.w.t. yang telah mengurniakan segala rahmatNya untuk kita semua bersama-sama dalam Majlis Pelancaran Projek Central Spine Road, Bentong Bypass, Pahang. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan penghargaan dan

terima kasih kepada YB Menteri Pengangkutan Malaysia, merangkap Ahli Parlimen Bentong, Dato' Sri Liow Tiong Lai kerana telah sudi untuk turut sama menyempurnakan majlis kita pada hari ini. Ucapan penghargaan dan terima kasih juga di atas kerjasama dan sokongan padu semua pihak yang terlibat dalam menjayakan majlis ini.

2. Kementerian Kerja Raya sememangnya amat berbesar hati dapat melaksanakan satu lagi projek yang dapat memberi manfaat kepada semua rakyat terutamanya penduduk di kawasan Bentong yang sememangnya menanti-nantikan projek infrastruktur ini bagi mengatasi kesesakan trafik di Jalan Persekutuan sedia ada di bandar Bentong. Saya sememangnya telah berhasrat untuk hadir sendiri melihat pelaksanaan projek Central Spine Road di kawasan Bentong ini dan hasrat tersebut telah tercapai pada hari ini. Projek ini merupakan salah satu sumbangan Kerajaan kepada semua penduduk yang telah memberi sokongan kepada kerajaan termasuk kepada ahli parlimen Bentong, YB Dato' Sri Liow Tiong Lai. Majlis pelancaran bersama beliau pada hari ini juga adalah disebabkan hubungan mesra yang terjalin antara kami walaupun berlainan Kementerian.

Hadirin yang dihormati,

3. Dalam *Rolling Plan* Pertama, Rancangan Malaysia Kesebelas, Kerajaan Persekutuan telah meluluskan sebanyak RM247 juta untuk membiayai projek infrastruktur jalan dan jambatan di Negeri Pahang. Salah satu projek infrastruktur berimpak tinggi yang sedang dilaksanakan di Negeri Pahang ialah Projek Central Spine Road yang menghubungkan Kuala Krai, Kelantan dengan Simpang Pelangai, Pahang sepanjang 350km dengan kos keseluruhan sebanyak RM6.6 bilion.

4. Projek Central Spine Road dilaksanakan secara berperingkat bermula Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) dengan keutamaan pelaksanaan pada masa ini ialah di sepanjang jajaran dari Mentara ke Kg. Seberang Jelai, Pahang atas faktor keselamatan dan dari Kg. Asap ke Kg. Sertik serta Bentong Bypass atas faktor kesesakan lalu lintas. Sebahagian jajaran tersebut iaitu dari Kg. Kubang Rusa ke Kg. Seberang Jelai, Pahang sepanjang 41.35km telah pun siap.

Hadirin sekalian,

5. Jalan Persekutuan FT08 sedia ada dari Bentong, Pahang ke Kota Bharu, Kelantan merupakan jalan utama dengan kepadatan trafik yang tinggi terutamanya di Bandar Raub dan Bentong. Berdasarkan keadaan trafik semasa, Kerajaan telah pun meluluskan RM578.25 juta dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) bagi pelaksanaan Bentong Bypass. Antara skop kerja yang dilaksanakan bagi projek ini ialah membina jalan baru empat lorong dua hala dengan reka bentuk piawai JKR R5 sepanjang 28.5km, membina *overpass* di Kg. Lebu, 5 buah jambatan, 6 *vehicular box culvert*, 1 bulatan bertingkat di Mempaga serta 2 persimpangan bertingkat di Lebuhraya Karak dan Kg. Benus.

6. Pelaksanaan Bentong Bypass telah dibahagikan kepada tiga (3) seksyen pembinaan iaitu Seksyen 5C1, 5C2 dan 5D yang telah pun dimulakan secara berperingkat mulai November 2015 dan dijangka siap sepenuhnya dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11). Justeru, saya ingin menyeru semua pihak yang terlibat termasuk agensi pelaksana, perunding dan kontraktor yang telah dilantik agar dapat memastikan projek ini dilaksanakan dengan jayanya dan disiapkan mengikut tempoh yang telah ditetapkan.

7. Projek Central Spine Road, Bentong Bypass merupakan sebahagian daripada komitmen Kerajaan untuk menyediakan infrastruktur bermutu tinggi kepada seluruh rakyat terutamanya kepada penduduk di Negeri Pahang. Saya amat yakin dan percaya bahawa pembinaan jajaran Bentong Bypass sebagai laluan alternatif ini akan mengurangkan kesesakan trafik di Jalan Persekutuan sedia ada terutamanya pada waktu puncak, musim perayaan utama dan cuti sekolah. Projek ini juga sudah tentu akan menjana perkembangan pesat kepada pembangunan sosio ekonomi di kawasan sekitar khususnya kepada sektor pelancongan dan industri kecil sederhana.

8. Sekali lagi, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada semua agensi dan pihak yang terlibat dalam menjayakan majlis kita pada hari ini. Akhir kata, dengan lafaz Bismillah hirrahman nirrahim, saya bersama-sama YB Dato' Sri Liow Tiong Lai akan melancarkan Projek Central Spine Road, Bentong Bypass, Pahang sebentar lagi.

Sekian, wabillahitaufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullah  
hiwabarakatuh.

Sekian, terima kasih.